

APAKAH LANDSKAP POLITIK MALAYSIA SELAMAT UNTUK MEMETERAI AL-TAḤĀLUF AL-SIYĀSĪ?

IS MALAYSIA'S POLITICAL LANDSCAPE SAFE FOR AL-TAḤĀLUF AL-SIYĀSĪ?

Abdullah Shahir Arifin Ahmad Fadzilⁱ & Irwan Mohd Subriⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author) Calon Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia. syah.arifin@gmail.com

ⁱⁱ Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Prof Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my

Abstrak

Al-Taḥāluf al-Siyāsī (kerjasama politik) antara parti politik muncul sebagai salah satu cara untuk merealisasikan matlamat politik dan mendapatkan kekuasaan. Namun di sana terdapat sarjana dan kumpulan muslim yang melahirkan kebimbangan pemeteraian al-Taḥāluf al-Siyāsī disebabkan risikonya terhadap Islam. Artikel ini menganalisis kebimbangan sarjana Islam terhadap risiko al-Taḥāluf al-Siyāsī tersebut dan melihat sama ada kebimbangan tersebut berasas dalam landskap politik Malaysia. Pengkaji menggunakan metodologi induktif dalam menganalisis landskap politik Malaysia yang terdiri daripada (i) Perlembagaan Persekutuan, (ii) Sistem Beraja dan (iii) Demografi Malaysia daripada sudut risikonya terhadap al-Taḥāluf al-Siyāsī. Pengkaji juga menjalankan sesi temubual bersama dengan pakar untuk mendapatkan sudut pandang yang betul berkaitan isu ini. Hasil kajian mendapati bahawa landskap politik Malaysia adalah kondusif dalam meminimalkan ancaman terhadap Islam yang menjadi kebimbangan terbesar sarjana dan kumpulan muslim.

Kata kunci: *Al-Taḥāluf al-Siyāsī*, perlembagaan, politik, persekutuan, demografi.

Abstract

Al-Taḥāluf al-Siyāsī (political partnership) between the political parties in Malaysia has turned out to be a means for them to achieve their own political purposes and power. However, there are scholars and Muslim groups who expressed concern that the signing of al-tahaluf al-siyasi may pose a risk to Islam. This article analyzes fears of Islamic scholars toward al-Taḥāluf al-Siyāsī and sees whether the fears has any basis in the political landscape of Malaysia. The researcher uses an inductive methodology in analyzing (i) the Federal Constitution, (ii) Malaysia Monarchy system and (iii) Demographics of Malaysia in terms of risk to al-Taḥāluf al-Siyāsī. The researchers also conducted interviews with experts to get the right perspective on this matter. The research outcome found that the Malaysian political landscape is conducive in minimizing threats to Islam, which is the biggest concern of scholars and Muslim groups.

Keywords: *Al-Taḥāluf al-Siyāsī*, constitution, politic, federal, demography.

PENDAHULUAN

Al-Taḥāluf al-Siyāsī ialah suatu muafakat politik yang mewajibkan pihak yang bermuafakat ikut mematuhi semua polisi yang telah ditetapkan bersama (Mansur, 1997). Ia merupakan sebahagian daripada isu *al-Siyāsah al-Shar'iyah* moden yang hangat diperbincangkan keabsahannya dari sudut syarak, khususnya dalam politik Malaysia yang bersifat rencam agama, budaya dan bangsa. Tajuk ini mula diperkenalkan oleh al-Ghadrān (1982), dan terus dibahaskan daripada masa ke semasa. Beberapa tesis ditulis khusus tentang al-Taḥāluf al-Siyāsī dan legitimasinya sebagai strategi politik, antaranya oleh Aniniyy (2008), Shirab (2010) di Palestin, dan Rushdan (2005) di Malaysia. Terdapat juga beberapa sarjana Islam yang

membahaskannya di celah-celah perbahasan *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah* yang lain, seperti al-Imam (2001), al-Ḥabl (2003), al-Ṣawīyy (T.th) dan al-Tariqīyy (1993).

Al-Taḥāluf al-Siyāsī yang berbentuk permuafakatan kepartian dalam landskap politik Malaysia moden dijemakan dalam bentuk Barisan Nasional (BN) antara Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Pertubuhan Cina Malaya (MCA), Kongres India Malaysia (MIC) dan 14 parti komponen yang lain.

Di sudut yang bertentangan, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) membentuk muafakat politik baru di bawah payung Pakatan Rakyat (PR), namun muafakat mereka hanya bertahan hampir 7 tahun (2008-2015) sebelum ia berpecah secara rasminya dan masing-masing membawa haluan sendiri.

Sekali pun istilah *al-Taḥāluf al-Siyāsī* ini dipopularkan oleh Parti Islam Se-Malaysia pada awal abad ke 21, namun perbincangan tentangnya tidak terhenti bersama dengan berpecahnya Pakatan Rakyat, ia terus mengisi wacana akademik dan dianalisis daripada masa ke semasa.

Artikel ini adalah satu analisis terhadap kebimbangan sarjana-sarjana Islam terhadap risiko *al-Taḥāluf al-Siyāsī*, ini dapat dilihat jelas daripada penetapan berbagai-bagai syarat untuk memeterai *al-Taḥāluf al-Siyāsī*. Seterusnya artikel ini akan mengkaji jaminan sistem kenegaraan Malaysia terhadap keselamatan *al-Taḥāluf al-Siyāsī*, sehingga akhirnya risiko *al-Taḥāluf al-Siyāsī* itu minima dan tidak lagi dilihat sebagai ancaman terhadap Islam di negara ini. Jaminan tersebut boleh dilihat dalam beberapa sudut: (i) Perlembagaan Persekutuan, (ii) demografi Malaysia dan (iii) sistem Beraja. Penting dinyatakan bahawa limitasi artikel ini hanya menyemak *al-Taḥāluf al-Siyāsī* daripada sudut landskap politik dalaman Malaysia dan tidak akan menganalisis landskap politik antarabangsa antara Malaysia dengan mana-mana entiti luar negara.

AL-TAḤĀLUF AL-SIYĀSĪ DAN KEBIMBANGAN SARJANA ISLAM

Al-Taḥāluf al-Siyāsī adalah sebahagian daripada isu semasa dalam *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Ia hangat diperbincangkan di mana sebahagian sarjana seperti al-Imam (2001) tidak membenarkannya. Ia berasaskan kebimbangan pihak Islam akan memberikan *al-wala’* (kesetiaan) mereka kepada golongan bukan muslim yang ingin merosakkan Islam. Pandangan ini disokong oleh al-Musa‘irīyy (2004) yang melahirkan kebimbangan yang sama. Dalam masa yang sama, Hizb al-Tahrir (2012) dengan nada yang lebih keras menerbitkan kenyataan yang secara jelas mengharamkan pengamalan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* oleh parti-parti muslim berdasarkan hujah bahawa ia disyariatkan hanya untuk membantu pihak yang teraniaya sahaja, seperti yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam *hif al-fudūl*¹. Ada pun perjanjian yang keluar daripada kerangka membantu pihak yang tertindas, seperti ingin mendapatkan kekuasaan adalah tidak dibenarkan.

Namun pandangan di atas bukanlah pandangan yang mutlak dalam perbincangan *al-Taḥāluf al-Siyāsī*. Sebaliknya perbincangan tentangnya didominasi oleh pandangan yang lebih positif dan melihatnya sebagai suatu *wasilah* untuk mana-mana gerakan Islam mendapat manfaat daripadanya. Al- Ghabbān (1982) menyokong penuh *al-Taḥāluf al-Siyāsī* berasaskan kepada realiti dan pengamalannya yang telah ditunjukkan oleh Baginda SAW, bukan hanya dalam peristiwa *hif al-fudūl*, namun dalam banyak peristiwa yang lain, antaranya ialah polisi kerjasama bersama dengan Yahudi di Madinah, perjanjian Hudaibiyah bersama dengan Quraisy Mekah, yang merupakan salah satu bentuk *al-Taḥāluf al-Siyāsī*. Pengamalan terhadap *al-Taḥāluf al-Siyāsī* bukan hanya terhad dalam keadaan aman, namun ia berlaku juga dalam

¹ Iaitu perjanjian yang pernah disertai oleh Baginda SAW di Mekah sebelum kebangkitannya sebagai rasul. Suatu ketika berlaku penganiayaan dan kezaliman terhadap seorang peniaga, maka sekumpulan bangsawan Quraisy yang disertai oleh kabilah-kabilah melakukan perjanjian *hif al-fudūl* di rumah ‘Abdullah bin Jad‘an. Perjanjian tersebut mengkehendaki semua pihak di Mekah bersatu melawan kezaliman dan pihak yang melakukan kezaliman (Ibn Kathir, 1988: 2/218).

keadaan perang. al-Ghadbān (1982) memberi contoh kerjasama yang berlaku antara kerajaan Islam Madinah dengan kabilah Ghaffān ketika perang al-Ahzāb memuncak, *al-Taḥāluf al-Siyāsī* yang dimeterai merupakan suatu strategi efektif melemahkan kekuatan tentera al-Ahzāb dan mengkucar-kacirkan kesatuan tentera musuh.

Beberapa tahun selepas itu, Al-Ṭariqiy (1986) menyokong premis yang membenarkan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* seperti mana yang diujahkan oleh al-Ghadbān (1982). Namun beliau meletakkan syarat-syarat yang mesti dipatuhi supaya akhirnya *al-Taḥāluf al-Siyāsī* membawa kebaikan kepada kumpulan Islam, bukan sebaliknya. Antara syarat yang diletakkan ialah; kumpulan muslim lebih kuat daripada kumpulan bukan muslim. Syarat ini disokong oleh al-Ḥabl (2003) atas asas mengelakkan risiko buruk andai berlaku pengkhianatan daripada pihak bukan muslim.

Al-Ṭaḥḥān (t.th) dan al-Ḥabl (2003) bahkan memperincikan syarat-syarat yang telah diletakkan oleh al-Ṭariqiy (1986) dengan menegaskan bahawa *al-Taḥāluf al-Siyāsī* hanya boleh dimeterai apabila kumpulan Islam berada pada kemuncak kekuatannya, kepimpinan dan ahli yang berada dalam keadaan yang kukuh dan tersusun. Perincian syarat ini disokong sepenuhnya oleh Hishām (2011) bagi memastikan kumpulan Islam mendapat hasil yang maksima dengan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* yang dimeterai.

Daripada sudut persepakatan yang boleh dilakukan, al-Ṣāwiy (1992) mensyaratkan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* hanya boleh dimeterai untuk merealisasikan suatu perkara yang disyariatkan dan mempunyai masalah. Ada pun kerjasama tersebut jika mengandungi perkara-perkara yang haram; seperti menentang Islam, mengiktiraf kezaliman maka ia tidak dibenarkan. Dengan nada yang sama, Shirāb (2010) menyokong syarat tersebut berasaskan kepada sepotong hadis yang bermaksud “*setiap syarat yang menyalahi kitab Allah maka ia batil, sekali pun seratus syarat*” (Hadis. al-Bukhariyy. no. 2734).

Lukman Thaib (2014) berpandangan bahawa risiko dalam *al-Taḥāluf al-Siyāsī* adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Ia boleh berlaku khususnya dalam landskap politik Malaysia yang menggunakan sistem demokrasi, sama ada risiko tersebut kecil atau besar, ia sentiasa wujud khususnya dalam aktiviti kepartian. Sebagai langkah berjaga-jaga, kumpulan muslim perlu mengambil langkah mengecilkan risiko dan menambah peluang dengan memperkasakan *human capital* (modal insan) mereka, ini penting supaya akhirnya kumpulan Islam tidak dipandang lekeh, sentiasa mengatasi kumpulan bukan Islam dalam mendepani pertembungan idea sesama mereka dan berjaya dalam memasarkan ideologi politik bawaan mereka.

Apa yang diutarakan oleh Lukman Thaib, senada dengan apa yang dicadangkan oleh Syakir Rosdi (2015). Beliau menegaskan bahawa *al-Taḥāluf al-Siyāsī* mesti mengutamakan ‘ketetapan perjanjian dengan Allah’, dengan maksud bahawa syariat mesti diletakkan pada keutamaan yang pertama sebelum yang lainnya. Ini penting supaya akhirnya *al-Taḥāluf al-Siyāsī* diikat dengan syariat sebagai paksi utamanya, dan membawa kesan yang tidak diingini (*backfire*) kepada kumpulan muslim.

Daripada syarat-syarat yang telah diletakkan oleh sarjana Islam terhadap *al-Taḥāluf al-Siyāsī*, kita boleh membuat kesimpulan bahawa syarat-syarat tersebut adalah bertujuan supaya Islam dan umatnya mendapat hasil yang positif melalui *al-Taḥāluf al-Siyāsī*, bukan sebaliknya, ini yang dapat difahami daripada ketegasan yang ditunjukkan oleh mereka agar kegagalan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* yang pernah dimeterai oleh umat terdahulu tidak diulangi oleh umat terkemudian. Di satu sudut yang lain, Hishām (2011) mencadangkan mana-mana kumpulan Islam yang ingin terlibat dengan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* wajib melakukan kajian lapangan yang terperinci, seperti kajian SWOT yang mengkaji kekuatan (S), kelemahan (W), peluang (O) dan ancaman (T) supaya akhirnya *al-Taḥāluf al-Siyāsī* tidak membawa ancaman terhadap Islam dan umatnya.

Di Malaysia, terdapat kebimbangan ditunjukkan oleh sebahagian pengkaji berkaitan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* seperti apa yang disuarakan oleh Abdullah Zaik (2011) melalui laman

sesawang rasmi Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dan Hizb al-Tahrir (2012). Utusan Malaysia melalui pengarang mereka, Rokiah Abdullah dan Mohd Khuzairi Ismail (2011) menyuarakan kebimbangan tentang tindak-tanduk mencurigakan pemimpin *Democratic Action Party* (DAP); yang merupakan sekutu dalam Pakatan Rakyat, dibimbangi akan menjadikan Malaysia kepada sebuah negara kristian.

Selepas kita memahami kebimbangan sarjana-sarjana Islam sehingga mereka meletakkan berbagai-bagai syarat bagi al-Taḥāluf al-Siyāsī, pengkaji akan cuba menjawab persoalan kedua: Apakah kebimbangan terhadap risiko *al-Taḥāluf al-Siyāsī* itu wujud dalam landskap politik Malaysia? Kajian awal mendapati bahawa risiko *al-Taḥāluf al-Siyāsī* itu di tahap minima dalam landskap politik Malaysia, ini disebabkan oleh 3 jaminan utama dalam sistem kenegaraan yang mengawal negara ini: (i) Jaminan oleh Perlembagaan Persekutuan, (ii) Jaminan oleh sistem beraja dan (iii) jaminan oleh demografi (kependudukan) Malaysia moden.

Jaminan Pertama: Perlembagaan Persekutuan

Memahami *waqf* (realiti) politik sebuah negara bermula dengan memahami perlembagaan yang menunjanginya. Perlembagaan adalah sistem undang-undang, adat dan kelaziman yang menetapkan komposisi dan kuasa bagi setiap komponen negara. Ia mengawal selia hubungan antara badan dan organ negara antara satu sama lain serta terhadap rakyat awam (Fong, 2007). Ia diumpamakan oleh Shad Saleem Faruqi (1993) sebagai "*Perisai yang melindungi daripada nafsu manusia. Ia adalah kompas, layar dan sauh bagi sesebuah pelayaran. Ia tidak ditulis di atas pasir yang akan hilang dibasuh ombak oleh setiap angin politik yang baru mendapat kuasa*".

Keistimewaan Perlembagaan Malaysia ialah ia memberi tempat yang khusus untuk Islam sebagai agama persekutuan dalam Perkara 3. Ia bukanlah satu yang mengejutkan kerana Islam telah mendapat tempatnya di Malaysia lama sebelum kedatangan penjajah Portugis pada 1515. Ketika penjajahan Inggeris, ia tidak diganggu gugat dan dikekalkan.

Meskipun secara naratif sejarahnya dapat difahami kepentingan Islam dan kedudukannya yang tinggi dalam sistem kenegaraan, namun secara undang-undangnya ia masih lagi menjadi titik khilaf antara sarjana perlembagaan dalam perdebatan yang telah memakan masa puluhan tahun. Sebahagian sarjana berpendapat ia tidak mempunyai apa-apa kesan undang-undang (Sheridan *et al*, 1987), dan kewujudan perkara 3 bertujuan untuk memberikan negara ini sifat dan ciri muslim yang umumnya bersifat kulitian dan upacara (Sheridan, 1961), namun pandangan ini ditentang keras oleh Hashim Yeop (1980):

"Saya menentang keras pendapat ini kerana tidak berdasarkan apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan dan ini ialah satu tafsiran yang berjiwa Crusader. Oleh sebab Perkara 3 Perlembagaan itu sangat jelas dan tidak boleh diputar-belit lagi bahawa agama Negera ialah Islam dan mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan di antara dokumen ciptaan manusia (Perlembagaan) dengan perintah Allah (al-Quran dan al-Sunnah) tidak boleh dipakai".

Itu semua berkaitan dengan teori, kedudukan Islam dalam Perlembagaan dilihat lebih mengelirukan di alam realiti. Dalam *Che Omar Che Soh Iwn Pendakwa Raya*, Mahkamah Persekutuan melalui Ketua Hakim Negara telah menafsirkan makna Islam yang terdapat dalam Perkara 3 Perlembagaan ketika memutuskan hukuman. Pihak perayu berhujah bahawa hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedarkan dadah berbahaya dan memiliki senjata api bercanggah dengan ajaran Islam, oleh itu hukuman itu terbatal secara sendirinya kerana bertentangan dengan Perkara 3 Perlembagaan. Mahkamah yang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas bersetuju dengan asas bahawa Islam adalah sebuah agama

yang syumul dan merangkumi semua bidang kehidupan², akan tetapi beliau akhirnya memilih menafsirkan Islam dalam Perlembagaan berdasarkan kepada makna yang diberikan oleh Penggubal Perlembagaan (Suruhanjaya Reid); iaitu Islam yang hanya berlegar dalam urusan perkahwinan, penceraian dan perwarisan harta untuk Muslim, lantas menolak rayuan plaintif dan mengekalkan hukuman mati mandatori³.

Penafsiran "Islam" berdasarkan kepada kehendak Penggubal Perlembagaan seperti yang dipilih oleh Mahkamah Persekutuan dianggap sebagai tafsiran yang sempit (Mahamad: 1999). Namun mahkamah tidak dapat lari daripada kaedah penafsiran tersebut sehinggalah terdapat perubahan sistem yang mengkehendaki perundangan Islam yang jelas oleh Parlimen⁴. Aziz Bari (2005) cuba memahami bahawa keputusan *Che Soh bin Che Omar lwn Pendakwa Raya* adalah percubaan untuk mengelak daripadaaa membuat keputusan yang mempunyai kesan yang jauh dan mendasar.

Ketidak-seragaman (*inconsistency*) dalam penafsiran terhadap Perkara 3 Perlembagaan dilihat pada kes seterusnya dalam *Meor Atiqulrahman bin Ishak dll lwn Fatimah bte Sihi dll*. Kes ini timbul ekoran tindakan buang sekolah terhadap beberapa murid yang memakai serban. Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan plaintif untuk mengisytiharkan pembuangan sekolah itu tidak sah berhujahkan kedudukan Islam dalam Perlembagaan dan kesyumulannya sebagai cara hidup yang lengkap⁵, berbeza dengan keputusan yang lepas yang hanya melihat Islam dari sudut yang sempit.

Banyak kes lain yang boleh diperbincangkan sebagai rujukan berkaitan kedudukan Islam dalam Perlembagaan, namun disebabkan ruang yang terhad, bolehlah kiranya kita meneliti kesimpulan akhir terhadap perbincangan di atas oleh Siddiq Fadzil (2012) bahawa kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah "malang" dan "mujur". Ia dianggap malang kerana tidak dicatat dengan tegas sebagai negara Islam yang mana undang-undang Islam diangkat sebagai rujukan utama, namun mujur juga ia tidak disebut sebagai sekular sehingga nilai-nilai agama boleh mendapat tempatnya. Oleh itu, Perlembagaan Malaysia dipersepsikan sebagai perlembagaan yang *non-committal*. Dalam keadaan seperti ini, tafsiran pihak yang lebih kuatlah yang akan terpakai.

Meskipun ia dianggap sebagai "malang" dan "mujur", namun ruang untuk Islam bergerak dilihat sangat luas berbanding agama lain, Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada kerajaan untuk menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam. Ini bermaksud, hanya Islam sahaja

² Dalam penghakimannya, Ketua Hakim Negara Yang Arif Tun Salleh Abas menyatakan: "*There can be no doubt that Islam is not just a mere collection of dogmas and rituals but it is a complete way of life covering all fields of human activities, may they be private or public, legal, political, economic, social, cultural, moral or judicial. This way of ordering the life with all the precepts and moral standards is based on divine guidance through his prophets and the last of such guidance is the Quran and the last messenger is Mohamad S.A.W. whose conduct and utterances are revered*". (Lihat *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya* dalam [1988]2 M.L.J.).

³ Lihat *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya* dalam [1988]2 M.L.J.

⁴ Dalam penghakimannya, Ketua Hakim Negara Yang Arif Tun Salleh Abas menyatakan: "*We thank counsel for the efforts in making researches into the subject, which enabled them to put the submission before us. We are particularly impressed in view of the fact they are not Muslims. However we have to set aside our personal feelings because the law in this country is still what it is today, secular law, where morality not accepted by the law is not enjoying the status of law. Perhaps that argument should be addressed at other forums or at seminars and, perhaps, to politicians and parliament. Until the law and the system is changed, we have no choice but to proceed as we are doing today*". (Lihat *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya* dalam [1988]2 M.L.J.).

⁵ Dalam penghakimannya, Yang Arif Mohd Noor Abdullah menyatakan: "*Soalan: Apakah makna 'Islam' dan 'ugama' dalam Perlembagaan ini? Islam sebagai ad-deen merangkumi keseluruhan aktiviti kehidupan manusia dari lahir sehingga mati, dari bangun pagi hingga ke tidur malam yang ditunjukkan oleh Rasulullah, yang mendapat wahyu dari Allah dan termaktub dalam Quran. Ugama Islam yang diperakui ugama Yahudi dan Kristian dan mengiktiraf Taurat, Zabur dan Injil. Islam ugama sejagat yang boleh diterima oleh semua ugama lain*". (Lihat *Meor Atiqulrahman bin Ishak dll lwn Fatimah bte Sihi dll* dalam [2005]5 M.L.J.).

yang boleh disebar, ada pun agama dan kepercayaan lain tidak dibenarkan. Dari sudut yang lain, kerajaan juga dibenarkan untuk membangunkan dan memajukan Islam menggunakan duit pembayar cukai. Termasuk dalam membangunkan syiar-syiar Islam seperti masjid, pengurusan haji, institusi-institusi agama, pendidikan agama dan lain-lain, semua kemudahan ini sejajar dengan perkara 12 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu dapat disimpulkan di sini, meskipun terdapat beberapa kekaburan berkaitan Islam dalam Perlembagaan namun Muslim di Malaysia boleh menarik nafas lega kerana di sana terdapat sejumlah besar jaminan-jaminan terhadap kelangsungan Islam di negara ini, yang mana ia bukanlah suatu yang mudah untuk diganggu gugat, ia disokong pula dengan jaminan yang kedua dan ketiga seperti yang akan diterangkan.

Jaminan Kedua: Sistem Beraja

Institusi Raja di Malaysia adalah satu institusi tradisi yang menunjangi negara semenjak berabad lama dahulu. Naratif sejarahnya dicatat bermula dari kurun ke-14 ketika kedatangan Parameswara ke Tanah Melayu dan mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka, namun ia dikatakan berasal daripada sumpah Demang Lebar Daun sewaktu menabalkan Sang Sapurba menjadi raja (A. Samad Ahmad, 1984).

Tanah Melayu pada masa dahulu diperintah oleh raja melalui kekuasaannya yang mutlak, di tangan bagindalah terletaklah semua punca kuasa dan perintah dalam pengurusan negeri dan jajahan takluknya. Perubahan berlaku selepas kuasa pentadbiran tempatan diambil alih oleh British dan Jepun sebagai penguasa politik Tanah Melayu pada kurun ke-19 dan ke-20. Namun institusi Raja tidak dihapuskan bahkan kekal sebagai ketua negeri dan jajahan takluknya, walaupun pentadbiran dipegang oleh kuasa asing (Ramlah & Noormaizatul, 2014).

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, institusi pemerintahan beraja diteruskan. Sebagai pengiktirafan terhadap sejarah dan ruh kenegaraan yang telah sebatu dengan sistem Beraja, Perlembagaan Persekutuan yang digubal melalui Suruhanjaya Reid meletakkan beberapa peruntukan seperti perkara 38 berkaitan Majlis Raja-Raja, perkara 32 berkaitan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan peruntukan-peruntukan yang lain yang memperincikan tugas Baginda; yang diperincikan pada memelihara keamanan Malaysia dan Agama Islam. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui sumpah pada hari pertabalan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang diperincikan dalam Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan:

“Kami _____ ibni _____, Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan: Wallahi, Wabillahi, Watallahi, maka dengan lafaz ini berikrarlah Kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana undang-undang dan Perlembagaan yang telah disahkan dan dimasyurkan dan akan disah dan dimasyurkan di masa hadapan ini. Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sungguh dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri”.

Oleh itu dapat diperhatikan di sini, bahawa sistem Beraja yang sedang menaungi Malaysia menyediakan jaminan terhadap kelangsungan Islam dan pemeliharaannya daripada pelbagai ancaman. Meskipun boleh diujahkan bahawa Perlembagaan Persekutuan bukanlah suatu yang rigid; sebarang perenggan dalam Perlembagaan Persekutuan boleh dipinda termasuk peruntukan mengenai Islam, namun perlu diingat sebarang pindaan terhadap perkara yang berkaitan dengan Islam dan kedaulatan raja-raja tidak boleh dipinda, diubah dan dilucutkan kecuali mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja Melayu, seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 159 (5) (Abdul Aziz Bari, 2002).

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di atas, Abdul Aziz Bari (2003) menolak dakwaan bahawa kewujudan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara hanya sekadar

bersifat upacara (*ceremonial*) semata-mata, bahkan ia adalah lambang kepada kuasa pemerintahan bagi negara dan negeri yang berkenaan. Ia juga berfungsi memberikan identiti Melayu dan Islam kepada persekutuan, sekali gus meneruskan warisan sejarah negara ini. Tambah beliau lagi, kedudukan Majlis Raja-Raja mungkin boleh dihujah sebagai sesuatu yang perlu untuk menjaga martabat dan kesucian agama di peringkat persekutuan. Ia berguna bagi mengelakkan agama diambil alih oleh kerajaan persekutuan (Abdul Aziz Bari, 2002).

Ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Sultan Azlan Shah (1982), bahawa raja adalah raja, sama ada raja berperlembagaan atau berkuasa mutlak. Bezanya ialah yang kedua punya kuasa yang tidak terbatas, dan yang pertama kuasanya ditetapkan oleh perlembagaan. Baginda menambah:

“But it is a mistake to think that the role of a King, like a president, is confined to what is laid down by the Constitution. His role far exceeds those constitutional provisions.”

Dengan ini, boleh kita simpulkan bahawa Islam punya penjaganya di Tanah Melayu ini, lengkap dengan segala undang-undangnya, dan kebimbangan mengenai ancaman terhadapnya boleh dianggap sebagai tidak signifikan.

Jaminan Ketiga: Demografi

Jaminan yang ketiga adalah dari sudut Demografi; iaitu kajian statistik berkaitan dengan saiz, taburan dalam wilayah, komposisi populasi, perubahan dalamnya serta komponen perubahan tersebut (Hauser dan Duncan, 1959). Demografi biasa digunakan untuk mengukur saiz kependudukan dan perancangan masa hadapan dari segi kelahiran, kematian dan lain-lain. Namun ia bukanlah kemestian, di sini perbincangan demografi adalah untuk mengukur saiz kependudukan berdasarkan kepada etnik dan agama, sebagai satu daripada kayu ukur untuk menilai kekuatan umat Islam.

Dalam *al-siyāsah al-shar‘iyyah*, kajian berkaitan demografi sangat penting, ia dilihat sebagai salah satu daripada cerminan *wāqī‘* yang menjadi tunjang penting mana-mana tajuk *al-siyāsah al-shar‘iyyah*. Dalam bahagian ini, kita akan meneliti peranan taburan penduduk Malaysia dan kaitannya yang signifikan dengan tajuk *al-Taḥāluf al-Siyāsī* yang sedang dibincangkan ini.

Malaysia dikongsi oleh hampir 30 juta rakyat pelbagai agama, bangsa dan bahasa. Namun menurut statistik terkini yang dikeluarkan oleh *Central Intelligence Agency* (CIA), Melayu membentuk komposisi terbesar, 50.1% dari keseluruhan rakyat Malaysia, diikuti Cina 22.6%, India 6.7%, baki selebihnya dikongsi oleh Orang Asal serta pecahan-pecahan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Daripada sudut agama, Islam mendahului senarai dengan 61.3% penganut, diikuti Buddha 19.8%, Kristian 9.2%, Hindu 6.3%, baki selebihnya dikongsi oleh agama-agama tradisi yang lain (<https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/my.html>).

Angka-angka di atas berkait rapat dengan pecahan pengundi berdaftar untuk Pilihanraya. Sebelum Pilihanraya Umum 2013, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengumumkan bilangan pengundi berdaftar yang mencecah 13,227,737 orang dengan pecahan yang berikut: 6,958,813 pengundi Melayu (mewakili 52.6% daripada senarai keseluruhan), 3,931,845 pengundi Cina (mewakili 29.72%), India 968,532 (mewakili 7.32%), Pribumi Sabah dan Sarawak 1,180,000 (mewakili 8.92%), Orang Asal 70,070 (mewakili 0.52%) dan baki 118,477 (mewakili 0.89%) dari pelbagai etnik yang lain (<http://pru13.gov.my/default.informasi.00.04.php>).

Daripada angka-angka yang telah dibentangkan di atas, kita dapat lihat bahawa Islam mendapat jaminan dari sudut demografi dengan majoriti pengundi (yang merupakan pusat kuasa bagi legislatif dan eksekutif) adalah muslim, jaminan ini menyekat sebarang polisi-polisi yang berlawanan dengan kehendak umat Islam. Syamil Wariya (2007) menghuraikan situasi ini dengan menyanggah ancaman kononnya bukan Muslim boleh menjawat jawatan Perdana Menteri hanya kerana Perlembagaan mengizinkan:

“Bagaimanapun hakikatnya tidaklah semudah itu. Real politik Malaysia tentulah ada peranannya dalam menentukan siapa menjadi Perdana Menteri. Walau pun Malaysia sebuah negara berbilang kaum, bangsa Melayu masih merupakan penduduk, dan dengan itu juga pengundi majoriti negara ini. Ketuanan politik pula masih lagi berada dalam genggaman pemimpin Melayu yang ditakrifkan oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai beragama Islam. Selagi realpolitik ini tidak berubah, ini bermakna kedudukan Perdana Menteri akan kekal disandang oleh seorang warganegara Malaysia yang keturunannya adalah Melayu dan beragama Islam”.

Perkara yang sama diterangkan oleh Shad Saleem Faruqi (2008):

“The fact that Muslims constitute the majority of the population. The constitutional monarchs at the federal and State levels are Muslims. The political executive, the civil service, the police, the army, the judiciary and the legislatures, while multi-racial, are under the control of Muslims. The federal and State Constitutions are replete with Islamic features. Islamic Practices are gaining ground. Islamic economic and religious institutions thrive with State support.”

KESIMPULAN

Landskap politik Malaysia menyediakan pelbagai jaminan terhadap Islam, bermula daripada Perlembagaan Persekutuan, sistem beraja dan demografinya, sehingga hampir memustahilkan sebarang ancaman terhadap Islam. *Al-Taḥāluf al-Siyāsī* yang dicadangkan dalam kehidupan bernegara dan gerak kerja politik kepartian tidak harus ditanggapi sebagai suatu perkara yang berbahaya, bahkan ia telah memenuhi syarat utama yang telah diletakkan oleh ulama-ulama silam, iaitu mesti dalam rangka menjaga agama seperti yang telah ditetapkan dalam tingkat pertama maqasid syariah.

Dalam masa yang sama juga beberapa syarat tambahan yang telah ditetapkan oleh mereka mestilah dijaga, supaya akhirnya risiko kekal minima dan *al-Taḥāluf al-Siyāsī* terus menjadi wasilah untuk memperkasakan ummah dan Islam. Di sini kita dapat simpulkan bahawa bahaya *al-Taḥāluf al-Siyāsī* yang dibimbangi oleh sesebahagian pengkaji adalah tidak berasas dan tidak sewajarnya diperbesar-besarkan disebabkan oleh landskap politik Malaysia yang sangat kukuh menyokong kedudukan Islam.

RUJUKAN

- Al-Bukhariyy, Muḥammad bin Ismā'īl. 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy*. Kaherah: Dar Tawq al-Najah.
- Abdul Aziz Bari. 2002. *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- _____. 2003. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- _____. 2005. *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- °Abd al-Raḥmān Shirāb. 2010. *Aḥkam al-Taḥālufāt al-Siyāsiyyah fi Daw' al-Wāqf al-Muā'ṣir* (Tesis Sarjana). Gaza: Universiti Islam Gaza
- Al-Ghaḍbān, Munīr. 1988. *Al-Taḥāluf al-Siyāsiyy fi al-Islām*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Al-Imam, Muḥammad bin Abdullah. 2001. *Tanwīr al-Ḍulūmāt bi Kasyf Mafāsīd wa Shubuhāt al-Intikhabāt*. °Ajman: Maktabah Dar al-Furān.
- Al-Musa'iriyy, Muḥammad bin °Abdullah. 2004. *Al-Muwālah wa al-Mu'ādah*. London: Tajdīd.
- Al-Ṣāwiyy, Ṣalāḥ. 1992. *al-Ta'addudiyat al-Siyāsiyyah fi al-Dawlat al-Islāmiyyah*. Dār al-ʿIlām al-Dawliyy.
- Al-Taḥḥān, Mustafā. t.th. *al-Fikr al-Ḥarakiyy Bayn al-Aṣālah wa al-Taḥrīf*. Kuwait: Dār al-Wathā'iq.
- Al-Ṭarīqiyy, °Abdullah bin Ibrāhīm. 1993. *Al-Istfānah bi Ghayr al-Muslimīn fi al-Fiqh al-Islāmiyy*. Damsyik: Mu'assasat al-Risālah.

- A. Samad Ahmad (Ed.). 1984. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Fong, Joo Chung. 2007. *Constitutional Federalisme in Malaysia*. Selangor: Sweet & Maxwell Asia
- Hashim Yeop Abdullah Sani. 1980. *Perlembagaan Kita*. T.tp: Malaysian Law Publisher.
- Hauser, P. M. & Duncan, O. D. (Ed.). 1959. *The Study of Population: An Inventory and Appraisal*. Chicago: University of Chicago Press.
- Hishām Muḥammad. 2011. *Dirāsāt Hawl al-Taʿadduddiyyah wa al-Ḥizbiyyah*. Kaherah: Dār al-Yusr.
- Ibn Kathir, Ismaʿil bin ʿUmar. 1988. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Dar lhya' al-Turath al-ʿArabiyy.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisiyy, ʿAbdullah bin Aḥmad. 1968. *Al-Mughniyy*. Kaherah: Maktabat al-Qāhirah.
- Mahamad bin Arifin. 1999. *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*, dalam Ahmad Ibrahim et al (Ed.). “Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Mansur, Mamduh Mahmud. 1997. *Siyāsāt al-Taḥāluf al-Dawliyy*. Alexandria: Alexandria University.
- Muḥammad ʿIzzat Ṣaliḥ. 2008. *Aḥkām al-Taḥāluf al-Siyāsiyy fi al-Fiqh al-Islāmiyy*. (Tesis Sarjana). Palestin: Universiti al-Najah.
- Mushīr ʿUmar. 2003. *Al-Mushārah fi al-Ḥayāt al-Siyāsiyyah* (Tesis Sarjana). Gaza: Universiti Islam Gaza.
- Nazri Muslim. 2013. *Peranan Institusi Raja-Raja Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Memelihara Kedudukan Islam Dari Perspektif Pendidikan Sejarah*. Kertas Kerja dalam “Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013”. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Ramlah Adam & Noormaizatul Akmar Ishak. 2014. *Persepsi Rakyat Terhadap Institusi Raja: Satu Kajian Kes Di Perlis Dan Kedah*. Kertas Kerja dalam “Prosiding Seminar Institusi Raja (Siraj II)”. Perlis: Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).
- Shad Saleem Faruqi. 2008. *Document of Destiny*. Selangor: Star Publications (M) Berhad.
- _____. 1993 *The Sceptre, The Sword and The Constitution at a Crossroad*. Dalam “1 Current Law Journal (CLJ)”. Selangor: CLJ Legal Network.
- Sheridan, L.A. & Groves, H.E. 1987. *The Constitution of Malaysia*. Singapore: Malayan Law Journal (Pte.) Ltd.
- _____. 1961. *The Federation of Malaya Constitution: Text, Annotation and Commentary*. Singapura: University of Malaya Press.
- Siddiq Fadzil. 2012. *Islam dan Melayu*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Azlan Shah. 1982. *The Role of Constitutional Rulers*. Dalam “Journal Of Malaysian And Comparative Law” (JMCL). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syamil Wariya. 2007. *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix.
- Stephen John Stout (Ed.).1988. M.L.J. (Malayan Law Journal). Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Pte. Ltd.
- Loo Lai Mee (Ed.).2005. M.L.J. (Malayan Law Journal). Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Temubual

- Lukman Thaib. 2014. Jabatan Siyasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 10 November 2014.
- Syakir Rosdi. 2015. Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. 19 Januari 2015.

Internet

- Abdullah Zaik. 2011. *Siyasah Syar'iyah & Tahaluf Siyasiyy Di Malaysia: Satu Analisis Kritikal*. <http://www.ismaweb.net/2011/11/siyasah-syar%E2%80%98iyah-tahalluf-siyasiyy-di-malaysia-satu-analisis-kritikal-siri-1/> (diakses pada 10 Oktober 2015).
- Central Intelligence Agency (CIA). <https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/my.html> (diakses pada 9 Oktober 2015).
- Hizb al-Tahrir. 2012. *Tahaluf Siyasi Berdasarkan Hilful Fudhul, Benarkah?*. <http://mykhilafah.com/v3/2012/10/20/sn325-tahaluf-siyasi-berdasarkan-hilful-fudul-benarkah/> (diakses pada 10 Oktober 2015).
- Keputusan Rasmi Pilihanraya Umum ke-13 oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR). <http://pru13.gov.my/default.informasi.00.04.php> (diakses pada 4 Jun 2013).
- Rokiah Abdullah & Mohd Khuzairi Ismail. 2011. *Malaysia Negara Kristian?*, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0507&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm (diakses pada 1 Ogos 2016).